

# [THE CONTRIBUTIONS OF SAKINAH JUNID AS A FEMALE POLITICAL FIGURE IN MALAYA IN THE EARLY 20TH CENTURY]

## SUMBANGAN SAKINAH JUNID SEBAGAI TOKOH POLITIK WANITA DI TANAH MELAYU PADA AWAL ABAD KE-20

*Siti Zulaikha Balqis Azmi*  
*zuelaikhabalqis11@gmail.com*  
*Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam,*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad*  
*izziah@ukm.edu.my*  
*Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam,*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **Abstract**

*The emergence of the Islah movement in the Malay Peninsula in 1906 raised awareness among society on various aspects, including politics, particularly among women. Women's involvement in politics in the Malay Peninsula significantly impacted all communities, especially women themselves. One such figure was Puan Sri Datin Hajjah Sakinah binti Syaikh Haji Junid, better known as Sakinah Junid, who served as the Head of the PAS Muslimat Council from 1965 to 1983. Therefore, this study aims to examine her background as a female figure playing a significant role in politics in the Malay Peninsula and her contributions to politics in the early 20th century. This qualitative study adopts a historical research approach, while the data collection method employs content analysis. The study finds that Sakinah Junid was a prominent female figure in politics who played a major role in leadership and the struggle for independence in the Malay Peninsula during the early 20th century.*

**Keywords:** *Politics, Women, Contributions, Malay Peninsula, Early 20th Century*

### **Abstrak**

Kemunculan gerakan Islah di Tanah Melayu pada tahun 1906 telah memberi kesedaran terhadap masyarakat dalam pelbagai aspek termasuk politik dalam kalangan wanita. Penglibatan wanita dalam politik di Tanah Melayu memberi impak yang besar terhadap semua masyarakat khususnya kaum wanita itu sendiri. Salah satu tokoh tersebut ialah Puan Sri Datin Hajjah Sakinah binti Syaikh Haji Junid atau lebih dikenali sebagai Sakinah Junid merupakan Ketua Dewan Muslimat PAS pada tahun 1965 hingga 1983. Oleh itu, kajian ini bertujuan dalam meneliti latar belakang beliau sebagai tokoh wanita yang berperanan dalam politik di Tanah Melayu dan sumbangannya dalam politik pada awal abad ke-20. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan kajian sejarah manakala kaedah pengumpulan data pula menggunakan pendekatan analisis kandungan. Justeru, kajian ini mendapati bahawa Sakinah Junid adalah seorang tokoh wanita dalam politik ini berperanan besar dalam memberi sumbangan terhadap kepimpinan dan juga perjuangan dalam menuntut kemerdekaan di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

**Kata Kunci:** *Politik, Wanita, Sumbangan, Tanah Melayu, Awal abad 20*

*Article Received:*  
8 November 2024

*Article Reviewed:*  
13 December 2024

*Article Published:*  
26 December 2024

## PENGENALAN

Menjelang abad ke-20M, penjajahan barat ke atas dunia Islam telah menyedarkan segelintir masyarakat Islam. Mereka adalah golongan terpelajar di Mesir. Gerakan pembaharuan digerakkan untuk mengubah nasib dunia Islam. Golongan ini jugalah mempengaruhi pelajar-pelajar dari Tanah Melayu yang menuntut ilmu di Universiti al-Azhar. Interaksi antara kedua belah pihak inilah yang mencetuskan gerakan islah di Tanah Melayu oleh pelajar-pelajar daripada Universiti al-Azhar, Mesir. Kemunculan gerakan Islah di Tanah Melayu bermula pada tahun 1906. Pada mulanya gerakan ini berpusat di Pulau Pinang dan Singapura. Ia mempunyai gagasan yang dibawa dan dikembangkan oleh tokoh-tokoh pelopor antaranya ialah Shaykh Mohd Tahir Jalaluddin, Syed Shaykh Ahmad al-Hadi, Shaykh Mohamad Salim al-Kalali dan Haji Abbas Mod Taha (Milner, 2002).


Seterusnya, menurut Abu Bakar (1981) antara peranan golongan Islah adalah untuk menyebarkan pengaruh dalam bidang pendidikan. Mereka berpendapat bahawa cara pendidikan Islam yang diamalkan oleh Tanah Melayu tidak mampu menghasilkan generasi umat Islam yang hebat selaras dengan arus kemodenan ketika itu. Oleh itu, pada bulan November tahun 1907 mereka telah menubuhkan satu institusi pendidikan Islam di Singapura yang dinamakan Madrasah al-Iqbal al-Islamiyyah. Madrasah ini merupakan antara madrasah terawal dalam menawarkan pengajian bercorak moden di Tanah Melayu.

Disamping itu, terdapat juga seorang tokoh Islah wanita yang terkenal iaitu Rahmah al-Yunusiyyah. Beliau merupakan wanita pertama yang berani melakukan pembaharuan Islam di Minangkabau pada awal abad ke-20. Jasa dan usaha beliau adalah untuk menfokuskan dalam meningkatkan kesedaran terutamanya kepada kaum wanita di Minangkabau khususnya dalam bidang intelektual. Antara usaha terbesar yang dilakukan oleh beliau adalah dengan mengasaskan sekolah khusus untuk golongan wanita di Minangkabau iaitu Diniyah Putri. Sekolah tersebut masih tetap utuh dijalankan sehingga kini. Institusi ini ditubuhkan pada 1 November 1923 yang berperanan sebagai sebuah institusi pendidikan Islam khusus untuk wanita sahaja.

Dengan berdirinya Diniyah Putri, Rahmah al-Yunusiyyah memperluaskan lagi misi gerakan Islah untuk menyediakan pendidikan bagi membangunkan kaum wanita menjadi golongan yang produktif serta insan yang terbaik. Beliau telah menggariskan satu pembaharuan dengan pelbagai perubahan dalam sistem pendidikan di sekolah tersebut. Diniyah Putri merupakan institusi pendidikan wanita pertama yang ditubuhkan di Indonesia. Melalui institusi pendidikan ini, Rahmah berharap agar kaum wanita mampu untuk maju dan dapat mengurangkan pandangan serong terhadap peranan golongan wanita kepada negara (Junaidatul, 2000).

Tambahan pula, usaha-usaha yang dijalankan oleh Rahmah al-Yunusiyyah bukan sahaja dimanfaatkan di Indonesia malah di negara-negara lain juga termasuk Tanah Melayu. Hal ini, dapat dilihat apabila terdapat beberapa pelajar perempuan di Tanah Melayu dihantar oleh ibubapa mereka untuk menuntut ilmu di Diniyah Putri. Oleh itu, apabila pelajar-pelajar ini pulang ke Tanah Melayu mereka mula mempraktikkan apa yang dipelajari sehingga menjadi tokoh-tokoh wanita yang terkenal. Antara pelajar Rahmah al-Yunusiyyah yang berasal daripada Tanah Melayu ialah Aishah Ghani, Shamsiah Fakeh dan Sakinah Junid. Mereka semua bersahabat dan setelah tiba di Tanah Melayu mereka memanfaatkan sebaik mungkin apa yang telah dipelajari sebelum ini.

Sekolah Diniyah Putri juga menjadi pencetus inspirasi kepada penubuhan sekolah khusus untuk wanita di Tanah Melayu. Rahmah merupakan tokoh pembaharuan yang muncul pada abad ke-20M dalam kalangan wanita dan antara yang terawal di Minangkabau sehingga ke Tanah Melayu. Hal ini disebabkan oleh sistem pembaharuan pendidikan yang terdapat di sekolah tersebut. Selain itu juga, sekolah ini hanya dikhususkan kepada pelajar wanita sahaja dan perkara ini memudahkan pelajar-pelajar lebih memahami tentang pelajaran.



GAMBAR 1 Gambar para pelajar di hadapan Diniyah Puteri  
Sumber: Prof Hj. Mohd Yunus (1962)

Pendidikan yang diterapkan terutamanya mengenai taraf golongan wanita berjaya dapat mengubah pemikiran pelajar-pelajar ini seterusnya mereka kembali ke Tanah Melayu dan memperjuangkan pemikiran tersebut. Walaupun Diniyah Putri tidak terletak begitu hampir dengan Tanah Melayu, namun idea-idea pendidikan Islam berorientasikan moden telah dapat disebarkan oleh pelajarnya apabila pulang ke Tanah Melayu. Antara tokoh yang terinspirasi dengan penubuhan Diniyah Putri di Padang Panjang ialah Shaykh Junid Tola dimana beliau merupakan bapa kepada Sakinah Junid. Beliau merupakan salah seorang pelajar daripada Tanah Melayu yang belajar di Mesir. Shaykh Junid merupakan pelopor institusi pendidikan Islam di Perak. Pada tahun 1927, beliau telah mewujudkan suatu kelas pengajian di sebuah surau berhampiran rumahnya di Kampung Lalang dan kampung sekitarnya di Padang Rengas. Beliau membahagikan kepada dua bahagian iaitu untuk kanak-kanak dan orang dewasa. Pengajian ini mendapat sambutan hangat daripada penduduk setempat kemudian daripada masyarakat luar seperti dari Temoh, Teluk Intan, Bagan Serai dan Parit. Beliau mendapat bantuan daripada madrasah sekitar dan rakan-rakan timur tengahnya bagi menyambung institusi pengajian Islam di Perak (Mohd. Radzi & O.K Rahmat, 1996).

Oleh kerana institusi pendidikan Islam, Shaykh Junid didesak oleh sambutan hangat daripada umat Islam, maka pada tahun 1930 beliau mendirikan sebuah Madrasah Arabiah Kampung Lalang. Sekolah ini terus berkembang dengan pesat dan pada tahun 1931 beliau telah menubuhkan sebuah sekolah dengan prasarana yang lebih lengkap iaitu Madrasah Yahyawiyah. Nama madrasah ini diletakkan sempena dengan nama Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar iaitu Datuk Andika Mior Yahya Mior Samsuddin yang menjadi peneraju utama madrasah ini dan banyak memberikan sumbangan kepada penubuhan madrasah tersebut (Erawadi, 2015). Seterusnya, bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam setempat yang meminta supaya membina satu institusi pendidikan Islam yang mengasingkan pembelajaran antara lelaki dan perempuan, maka Shaykh Junid Tola telah menaja penubuhan madrasah khusus untuk golongan perempuan. Beliau tidak memberi keizinan kepada anak-anak orang Islam bersekolah di sekolah British kerana sekolah British menurut beliau hanya ingin menjadikan pelajar sebagai hamba mereka sahaja. Beliau turut menghantar dua orang anak perempuan beliau iaitu Sakinah dan Habibah ke sekolah Diniyah Putri, Padang Panjang, Sumatera Barat, Indonesia untuk menuntut ilmu.

Setelah melihat pengaruh gerakan Islah yang telah sampai ke Tanah Melayu, ia memberi kesan dan impak yang cukup berkesan bagi orang-orang Islam dan masyarakat Melayu lebih mendalam dan bersifat terbuka mengenai agama Islam. Gerakan Islah ini tidak menumpu kepada satu aspek mengenai agama sahaja namun membawa pembaharuan dengan seimbangkan duniawi dan ukhrawi agar terlihat lebih kukuh dan mantap kejatian diri seorang Muslim tersebut. Oleh itu, setelah diteliti, bermula dengan pendidikan ia mampu mengubah persepsi dan membuka minda masyarakat bahawa agama diperlukan dalam pelbagai aspek kehidupan seharian kita termasuk untuk berpolitik khususnya dalam kalangan wanita. Pengaruh Rahmah al-Yunusiyah telah tersebar meluas ke Tanah Melayu dan memberikan nafas perjuangan baru kepada tokoh-tokoh politik wanita antaranya yang akan dikaji dalam kajian ini adalah Sakinah Junid.

Mengenai persoalan kajian yang timbul dalam perbincangan ini terdapat dua persoalan iaitu yang (1) Siapakah Sakinah Junid di Tanah Melayu pada awal abad ke-20? (2) Apakah sumbangan beliau sebagai tokoh politik wanita di Tanah Melayu pada awal abad ke-20? Kajian ini bertujuan mengkaji latarbelakang Sakinah Junid sebagai tokoh politik wanita di Tanah Melayu disamping meneliti sumbangan beliau dalam politik di Tanah Melayu pada awal abad ke-20. Salah seorang tokoh wanita yang didapati terlibat dalam politik adalah Sakinah Junid. Beliau dipilih sebagai tokoh-tokoh wanita politik kerana penglibatan dan kegiatan aktif dalam politik bagi memperjuangkan kemerdekaan di samping memperkasakan hak-hak wanita dalam masyarakat sosial ketika itu. Kesannya, ramai wanita pada awal abad ke-20 ramai wanita mula berani ke hadapan dan lantang bersuara bagi menuntut kemerdekaan serta menuntut hak-hak mereka daripada penjajah.

## PERNYATAAN MASALAH

Menerusi sejarah Tanah Melayu pada awal abad ke-20 telah memperlihatkan kewujudan politik Tanah Melayu pasca Perang Dunia Kedua mencetuskan fenomena baharu yang belum pernah disaksikan pada sebelumnya iaitu gelombang penglibatan politik wanita Melayu. Pada masa sama, selain bermatlamatkan kemerdekaan ia mengetengahkan isu pembelaan dan pemerkasaan hak wanita. Kajian mengenai wanita dalam politik dan pendidikan khususnya pada awal abad ke-20 di Tanah Melayu telah meraih perhatian dan minat ramai pengkaji pada masa kini. Hal ini, menurut Muhd Rahimi (2020) dalam mencapai pembangunan seiring dengan zaman, wanita berperanan besar dalam keterlibatan diri pelbagai aspek seperti sosial, ekonomi dan kepimpinan bagi mencapai kemajuan sesebuah negara itu.

Perempuan yang menyertai politik tanah air pada peringkat awalnya adalah kalangan mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan keagamaan. Faktor ini disebabkan ibu bapa yang enggan menghantar anak-anak ke sekolah Inggeris ketika itu kerana dikhuatiri mereka menjadi Kristian. Oleh itu sejak 1930-an lagi anak-anak perempuan dihantar bersekolah di Padang Panjang Sumatera. Antaranya ialah Tan Sri Aishah Ghani, Sakinah Junid dan Shamsiah Fakeh. Mereka telah mengasaskan pergerakan perempuan yang dikenali sebagai Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Apabila pergerakan tersebut diharamkan penjajah Inggeris, mereka berpecah. Tan Sri Aishah menyertai United Malays National Organisation (UMNO), Sakinah Junid menyertai Parti Islam Se-Malaya (PAS) dan Shamsiah Fakeh menyertai Parti Komunis Malaya (PKM) (Andek Masnah Andek Kelawa, 1999: 142)

Menurut Adila dan Izziah Suryani (2022) dalam sebuah artikel yang bertajuk *Pengaruh Gerakan Islah Rahmah Al-Yunusiyah Di Tanah Melayu* menyatakan bahawa Sakinah Junid merupakan seorang salah seorang pengasas parti politik bersama rakan seperjuangan beliau dalam Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan merupakan penggerak kesedaran politik terhadap golongan wanita. Hal ini, beliau telah mendapat pendidikan di Diniyah Puteri dan sedikit sebanyak telah mempengaruhi beliau dalam kehidupan beliau serta melibatkan diri dalam politik. Ini dapat dilihat berdasarkan pernyataan:

Diniyah Putri berjaya menarik perhatian masyarakat daripada pelbagai negeri dan wilayah termasuklah Tanah Melayu. Hal ini disebabkan oleh sistem pembaharuan pendidikan yang terdapat di sekolah tersebut. Selain itu juga, sekolah ini hanya dikhususkan kepada pelajar wanita sahaja dan perkara ini memudahkan pelajar-pelajar lebih memahami tentang pelajaran. Antara pelajar Rahmah al-Yunusiyah yang berasal daripada Tanah Melayu ialah Aishah Ghani, Shamsiah Fakeh dan Sakinah Junid. Pendidikan yang diterapkan terutamanya mengenai taraf golongan wanita berjaya mengubah pemikiran pelajar-pelajar ini seterusnya mereka kembali ke Tanah Melayu dan memperjuangkan pemikiran tersebut.

Seterusnya, penyertaan Sakinah Junid dalam politik juga dapat dilihat dalam artikel yang bertajuk *Penglibatan Wanita Melayu Dalam Politik Kepartian: Satu Sorotan Awal* oleh Zaireeni Azmi (2009) telah membawakan tokoh-tokoh wanita dalam politik termasuk penyertaan Sakinah Junid dalam politik sebagai Ketua Dewan Muslimat PAS (DMP). Namun, tidak banyak dapat dikupas oleh penulis kerana tidak banyak kajian mengenai Sakinah Junid dalam PAS ketika itu. Ini dapat dilihat dalam pernyataan beliau:

Walaupun tidak banyak kajian yang dibuat mengenai corak kepimpinan wanita di dalam PAS tetapi golongan wanita berpendidikan agama dalam parti ini sememangnya lantang menyuarakan pendapat mereka terutama dalam isu-isu yang menyentuh tentang kepentingan Melayu. Zubaidah Haji Ali, Zaharah Othman, Wan Aminah Yusof dan Sakinah Junid adalah antara pemimpin wanita PAS yang agak radikal pendekatan mereka dalam politik yang dimonopoli oleh kaum lelaki.

Berdasarkan pernyataan masalah yang timbul ia membuka ruang kepada kajian ini untuk mengamati dengan lebih khusus berkaitan latar belakang Sakinah Junid dan juga meneliti sumbangan beliau dalam politik di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian merupakan salah satu aspek penting dalam kajian penyelidikan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kualitatif adalah satu kaedah untuk menerokai dan memahami individu atau kumpulan yang terlibat dengan sesuatu masalah atau fenomena manusia dan masyarakat. Ia berkait dengan soal mutu, iaitu satu metode yang bersandarkan kepada kualiti konteks yang menjadi fokus utama penyelidikan.

## **KAJIAN SEJARAH**

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan memanfaatkan reka bentuk kajian sejarah (*historical study*) bagi tujuan mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan objektif. Kajian sejarah merupakan proses meneliti dan menganalisis maklumat secara kritis terhadap catatan dan peninggalan masa lalu kronologinya yang tersendiri. Melalui metode ini, kajian ini mengumpulkan maklumat dan data berkaitan dengan latar belakang tokoh-tokoh wanita politik seterusnya sumbangan mereka di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

## ANALISIS KANDUNGAN

Kajian analisis kandungan ialah kaedah penyelidikan yang sistematik untuk menganalisis dan membuat kesimpulan terhadap maklumat. Kaedah analisis kandungan daripada sumber-sumber primer dan sekunder bagi memperoleh maklumat berkaitan tokoh wanita politik iaitu Sakinah Junid. Dalam kajian ini antara sumber sekunder yang digunakan adalah penulisan artikel oleh Nur Adila & Izziah Suryani (2020) yang bertajuk *Pengaruh Gerakan Islah Rahmah Al- Yunusiyyah Di Tanah Melayu*, Zaireeni Azmi (2009); *Penglibatan Wanita Melayu Dalam Politik Kepartian: Satu Sorotan Awal*. Di samping itu, kajian turut difokuskan terhadap sumbangan Sakinah Junid dalam politik wanita di Tanah Melayu pada awal abad ke-20. Carian melibatkan sumber-sumber ilmiah dan disiplin berkaitan melalui platform pencarian secara atas talian.

## HASIL KAJIAN

Dalam hasil kajian yang telah dikaji oleh pengkaji, dapat diketahui latarbelakang mengenai Sakinah Junid disamping sumbangan beliau sebagai tokoh politik wanita di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

## LATAR BELAKANG SAKINAH JUNID

Puan Sri Hajjah Sakinah binti Syeikh Haji Junid merupakan nama sebenar Sakinah Junid. Beliau lahir pada 10 Oktober 1922 di Kampung Lalang, Padang Rengas, Perak. Beliau merupakan anak kepada seorang ulama besar di Perak iaitu Syeikh Junid Tola dan ibu beliau bernama Sariyah Haji Said. Menurut Badriyah (1984), pada tahun 1932 ayah beliau telah membuka sebuah pondok di Padang Rengas. Pondok ini berkembang dengan pesat dan menarik ramai minat masyarakat sekeliling khususnya dalam meluaskan pengetahuan mengenai agama Islam dan juga idea-idea pembaharuan yang meliputi pelajaran dan latihan kemahiran untuk digunakan dalam kehidupan. Ini berdasarkan oleh Ruzaini (2018) yang menceritakan pendidikan agama yang diperolehi daripada bapa beliau telah memberi semangat dalam diri beliau dalam menuntut kemerdekaan di Tanah Melayu sekaligus menjadikan beliau sebagai tokoh wanita politik. Hal ini disebabkan bahawa Sheikh Junid Tola merupakan antara individu yang membentuk draf kemerdekaan pada peringkat awal di Tanah Melayu.

Setelah itu beliau dihantar belajar ke Diniyah Puteri Padang Panjang, Sumatera Barat, Indonesia bersama dua orang adiknya yang dipimpin oleh Rahmah al- Yunusiyyah. Tujuan utama ayahnya menghantar anak-anaknya untuk belajar di sana adalah supaya mereka terdidik dengan ilmu pengetahuan. Melalui sekolah ini juga, Sakinah Junid dapat menguasai dan boleh bertutur dengan fasih dalam bahasa Belanda dan Jepun (Ratna Inzah, 2021). Diniyah Puteri berperanan sebagai institusi yang membentuk cara berfikir dan keperibadian tokoh melalui proses dakwah dan tarbiah yang akhirnya menjadikan beliau sebagai seorang pemimpin wanita yang berkarisma (Persatuan Kemajuan Wanita Kelantan di Kuala Lumpur dan Selangor, 2014).

Sakinah Junid merupakan isteri kepada Tan Sri Dato' Mohd Asri bin Haji Muda, seorang pemimpin PAS dan Hizbul Muslimin. Beliau berkahwin dengan Tan Sri Dato' Mohd Asri bin Haji Muda pada 15 Ogos 1947 dan mempunyai 9 orang anak, 2 orang lelaki dan 7 orang perempuan, iaitu Noor Dianauli, Husni Zaim, Ratna Inzah, Mutia Sabihah, Naliyah, Khalidah, Nasibah, Najah dan Mohd Taqiuddin (Ratna Inzah, 2021).

Perkahwinan beliau dengan pasangan yang mempunyai minat yang sama dalam politik telah membuatkan perjuangan mereka sentiasa berterusan dan gigih dalam menempuh apa jua cabaran hidup. Sakinah Junid boleh dikatakan bersara daripada politik sekitar usianya 70 tahun. Beliau yang menghidap bronkonemia akhirnya meninggal dunia pada 7 September tahun 2004 pada usia 81 tahun dan dikebumikan di perkuburan orang Islam yang terletak di Sungai Tangkas.



GAMBAR 2 Sakinah Junid bersama suaminya Mohd Asri  
Sumber: Sayuti Omar (2021)

Menurut salah seorang anak kepada Sakinah Junid, Rahmah al- Yunusiyah mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan ibu beliau. Rahmah al- Yunusiyah pasti akan bertemu setiap kali datang ke Malaysia dan menginap di rumah beliau yang terletak di Kuala Lumpur dan Kota Bharu, Kelantan. Beliau juga banyak menyertai pertemuan- pertemuan yang diadakan oleh Rahmah al- Yunusiyah ketika di Malaysia. Kecintaan Sakinah Junid kepada institusi pendidikannya juga dilihat dengan dana- dana yang diberikan kepada pembangunan Diniyah Puteri. Sakinah Junid masih lagi melawat Diniyah Puteri walaupun Rahmah al- Yunusiyah telah meninggal dunia pada pentadbiran Insaniah Salleh (Ratna Inzah, 2021).

## **SUMBANGAN BELIAU SEBAGAI TOKOH POLITIK WANITA DI TANAH MELAYU**

Perbincangan ini akan meneliti sumbangan Sakinah Junid sebagai Sakinah Junid sebagai tokoh politik wanita disamping keterlibatan beliau dalam parti- parti politik sepanjang dalam kehidupan beliau. Antara parti politik terawal yang disertai oleh beliau adalah Angkatan Wanita Sedar atau dikenali sebagai AWAS. Ia merupakan sebahagian daripada Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Kebanyakan ahli wanita AWAS yang paling awal menyertai pergerakan ini dipengaruhi oleh perjuangan politik wanita Indonesia dan mereka menentang penjajah. Selain itu, tujuan utama AWAS ditubuhkan juga untuk menanam kesedaran dalam kalangan wanita Melayu tentang kepentingan berpolitik. Para pemimpin PKMM menganggap kewujudan AWAS dapat membantu parti untuk menarik lebih ramai golongan wanita untuk menyokong perjuangan PKMM bagi mencapai kemerdekaan (Dancz, 1987).

Menurut Zinat Kausar (2006) beliau telah bergerak sama dengan rakan seperjuangan beliau iaitu Aishah Ghani dan Shamsiah Fakeh. Mereka adalah antara pengasas kepada Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Sikap nasionalisme beliau ditunjukkan melalui kepimpinan suatu kelompok pejuang lelaki dan wanita. Beliau telah mengetuai rombongan 300 orang pemuda Angkatan Pemuda Insaf (API) dan wanita iaitu Angkatan Wanita Sedar (AWAS) berarak dari Padang Rengas hingga ke Kuala Kangsar sambil menyanyikan lagu *Darah Rakyat* dan *Dari Barat Hingga Ke Timur* dengan penuh semangat diselangi dengan laungan 'Merdeka! Merdeka! Merdeka!'

Sakinah Junid berjaya meyakinkan golongan lelaki di dalam kumpulan tersebut untuk berjalan kaki walaupun pada mulanya mereka menjadi lemah semangat untuk menghadiri perhimpunan raksasa menentang Malayan Union pada 28 Mei 1946 di Kuala Kangsar. Antara kalimat yang disebutkan oleh beliau adalah:

*"Kalau kamu orang lelaki tidak mahu ikut serta menentang Malayan Union, biar kami srikandi sahaja yang pergi. Kamu orang lebih baik pakai sarung di rumah"*



GAMBAR 3 Perhimpunan AWAS yang disertai oleh kaum wanita  
Sumber: Sejarah Wanita (2015)

Pada tahun 1947 pula, Sakinah Junid pernah berpidato di hadapan 7000 orang lebih yang hadir daripada rapat raksasa "Putera" di Padang Sarkas, Taiping, Perak. Beliau menghadirkan dan mewakili fikiran kaum wanita Melayu terhadap Perlembagaan *Federation of Malaya* yang dibantah kerana tidak bertepatan dengan kemahuan rakyat yang lebih ramai yang akhirnya rapat raksasa di Taiping tersebut telah membuahkan hasil dan berjaya. Sakinah Junid telah memukau para pendengar dengan syarahan yang berapi-api. Peristiwa ini diabadikan dalam Majalah Mastika keluaran Mac/Jan 1947 dengan tajuk "*Wanita Kita di Zaman Atom*". Beliau berkata:

*"Kalau kita mahu merdeka tentu boleh merdeka" dan "Kalau percaya kepada diri sendiri semua boleh jadi"*



Disamping itu, menurut Asiah Abu Samah (t.th.) AWAS berjaya menonjolkan diri sebagai sebuah pasrti politik yang radikal dan ahli-ahli wanitanya turut terlibat dalam beberapa demonstrasi terhadap pihak British. Malah AWAS juga berjaya menarik lebih 2000 orang wanita untuk menyertai pertubuhan ini pada peringkat awal penubuhannya. Jumlah ini bukan satu jumlah yang kecil memandangkan tahap kesedaran politik wanita Melayu pada masa itu masih rendah.

Namun, AWAS telah diharamkan oleh kerajaan British dan setahun kemudian pertubuhan AWAS dibubarkan iaitu pada tahun 1948. Syaajibah (2015) menyatakan umum mengetahui bahawa AWAS ialah merupakan kumpulan politik wanita yang pertama di Tanah Melayu yang bergiat untuk mendapatkan kemerdekaan, melakukan demonstrasi terancang, menentang pemerintahan British dan juga tegas dalam menyatakan hak-hak wanita. Selepeas pembubaran AWAS, Sakinah Junid yang pernah menjadi Ketua AWAS telah menyertai Dewan Muslimat yang merupakan sayap wanita dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Sakinah Junid mula bergiat aktif dalam parti politik PAS. Hal ini juga suami beliau yang dikenali Dato' Haji Mohd Asri Muda merupakan seorang Presiden PAS pada tahun 1969 hingga 1982. Mereka ini adalah tonggak utama dalam parti tersebut dalam memastikan perjuangan mereka sentiasa berterusan.

Menurut Ahmad Fauzi (2007) sejarah penubuhan PAS bermula pada tahun 1951 apabila golongan agama dalam parti UMNO kecewa dengan tindakan UMNO yang meluluskan Loteri Kebajikan Masyarakat ketika itu. Berlainan dengan penubuhan parti-parti yang lain, sejarah kemunculan parti PAS bermula pada 24 November 1951 dikenali dengan nama Persatuan Ulama Se-Malaya atau Pan Malaya Islamic Party (PMIP) kemudiannya ditukar kepada nama Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Tujuan penubuhannya adalah untuk berjuang mencapai kemerdekaan negara dengan menekankan perjuangan berteraskan Islam. Setelah mencapai kemerdekaan, PAS berusaha dalam pembentukan sebuah negara Islam yang berlandaskan Al-Quran As-Sunnah.

Manakala, menurut John Funston (1980) penubuhan Dewan Muslimat PAS (DMP) merupakan sayap kiri PAS yang bertanggungjawab mengembeling wanita Melayu untuk mendokong cita-cita parti itu yang meletakkan objektif untuk meningkatkan kefahaman Islam kepada masyarakat sebagai misi mereka yang utama. Terdapat sedikit percanggahan dari segi tahun penubuhan DMP. Menurut Jamilah Ibrahim, cadangan penubuhan DMP dimulakan oleh Ustaz Haji Zabidi Ali seorang ahli jawatankuasa Agung PAS di Seberang Prai pada tahun 1952. Hanya pada tahun 1953, DMP dilancarkan dalam Muktamar Kelima parti tersebut di Bagan Dato', Perak. Manakala Dancz (1987) mendakwa DMP dilancarkan pada tahun 1956 di bawah pimpinan Zubaidah Ali dan bahagian ini mendapat sambutan dalam kalangan guru-guru agama perempuan.

Walaubagaimanapun, menurut Zaireeni dan Noor Eshah (2009) sejarah mengatakan bahawa DMP pada awal penubuhannya tidak begitu menonjol berbanding dengan AWAS. Pergerakan ini sering dikaitkan dengan politik kebuisan dan dianggap sebagai sebuah bahagian yang berkhidmat untuk kepentingan ahli-ahli lelaki PAS sahaja.

Namun, penyertaan golongan wanita berpendidikan agama dalam parti ini terutama golongan wanita yang mempunyai pemikiran politik yang radikal seperti Sakinah Junid dan Salmah Sheikh Hussein adalah amat menarik untuk diteliti. Hal ini kerana DMP pada awal penubuhannya tidak dilihat bersungguh-sungguh untuk menanam semangat nasionalisme atau memberi kebebasan dan peluang politik yang terbuka dalam kalangan wanita Melayu. Hal ini, diketahui bahawa kedua-dua tokoh tersebut mendapat pendedahan sentimen nasionalisme yang tinggi semasa berada di Diniyah Puteri. Tambahan pula sebelum tahun 1968, kedudukan wanita PAS dalam parti dan keahlian dirujuk kepada Dewan Ulama. Perkara ini dikatakan sebagai satu strategi daripada kepimpinan kaum lelaki dengan menggunakan agama untuk mengikat wanita dengan kerja-kerja sokongan sahaja. Tambahan pula, pendekatan PAS yang meletakkan Islam sebagai dasar utama di samping menjaga hak-hak Melayu mungkin menjadi faktor utama yang menarik kaum wanita seperti Khadijah Sidek, Sakinah Junid dan Salmah Hussin untuk menyertainy

Hal ini kerana corak pendidikan dan pendedahan yang mereka perolehi semasa berada di Indonesia menguatkan pengaruh nasionalisme dan pada masa yang sama menyokong pendidikan agama yang diterima. Setelah sepuluh tahun penubuhannya, Sakinah Junid telah dipilih bagi mengetuai sayap ini selama hampir 20 tahun. Beliau mula memegang jawatan Dewan Muslimat PAS pada tahun 1965 hingga 1983. Terdapat senarai nama Ketua Dewan Muslimat bermula pada 1953 hingga pada tahun 2001 yang akan dilihat dalam Jadual I.

JADUAL I: Senarai Ketua Dewan Muslimat PAS (DMP)

Tahun	Nama	Negeri Asal
1953	Sharifah Rahmah	-
1956- 1960	Siti Zubaidah Ali	Seberang Perai
1959-1962	Zaharah Othman	Selangor
1963-1964	Salmah Sheikh Hussein	Pulau Pinang
1965-1981	Sakinah Junid	Perak
1981-1983	Sakinah Junid	Perak
1983-1992	Wan Asma' Abdul Kadir	Kelantan
1992-2001	Hajjah Jamilah Ibrahim	Kedah

Sumber: Dewan Muslimat PAS Pusat, "*Halwa Perjuangan DMPP Edisi 2001*", Kertas Kerja Sempena Jubli Emas PAS, September 2001, Lajnah Penerangan dan Hal Ehwal Luar Dewan Muslimat, Selangor

Melihat kepada tampuk pimpinan DMP, jelas menunjukkan bahawa Sakinah Junid memegang dengan tempoh agak lama berbanding yang lain. Sepertimana yang diketahui bahawa Sakinah Junid terkenal dengan sifatnya yang amat disegani dan cukup berkarisma disamping pidatonya yang berapi dan menaikkan semangat para pendengar. Beliau adalah seorang orator wanita Malaysia yang cukup hebat. Ketika berpidato Sakinah mampu mengusik emosi pendengar dengan susunan kata-kata yang cukup indah dan berpuitis di selang seli dengan dakwah dan ayat-ayat Al Quran serta dimaniskan dengan sajak dan pantun. Ciri- ciri kepimpinan yang ditunjukkan oleh beliau ini amat diperlukan dalam memupuk legasi pada masa akan datang khususnya kaum wanita agar terus semangat bangkit dan gigih dalam menghadapi pelbagai cabaran hidup.

Menurut Dancz (1987) di bawah kepimpinan Sakinah Junid dalam tahun 1967, DMP lantang mempersoal sikap *'double standard'* yang diamalkan oleh pemimpin-pemimpin PAS terhadap wanita PAS. Beliau telah mengkritik sesetengah ahli PAS yang tidak membenarkan isteri serta ahli keluarga mereka terutama kaum wanita untuk terlibat dalam parti. Kelantangan yang ditunjukkan oleh Sakinah Junid agak radikal terutama beliau bersuara sebagai ahli sebuah parti yang agak *'rigid'* tentang kedudukan dan peranan wanita dalam politik. Hal ini mungkin berkaitan dengan pendedahan yang beliau perolehi semasa di Padang Panjang dan juga pengalaman beliau semasa memimpin AWAS

Hal ini dilihat sebelum tahun 1971, corak organisasi DMP banyak bergantung kepada struktur dan arahan pemimpin PAS di peringkat induk. DMP akan ditubuhkan sebagai cawangan sekiranya mempunyai 25 orang ahli. Pemilihan ahli jawatankuasa DMP bergantung kepada kelulusan ahli jawatankuasa kerja tertinggi PAS. Malah, aktiviti seperti Majlis Mesyuarat Agung DM juga berada di bawah pengurusan Jawatankuasa PAS. Ini melihatkan bahawa DMP masih dikuasai oleh golongan lelaki malah DMP tidak mempunyai bidang kuasa yang luas dan merupakan sebahagian parti wanita yang lemah. Namun atas usaha-usaha dan kelantangan tokoh politik wanita satu pindaan telah dibuat dalam perlembagaan parti 1971 yang mengubah status DMP. Dewan Muslimat PAS kemudiannya mempunyai struktur organisasi dan kuasa pentadbiran yang berasingan dari PAS serta mempunyai bidang kuasa yang setanding dengan Dewan Ulamak dan Dewan Pemuda.

Oleh itu, selepas berakhirnya peristiwa 13 Mei 1969, DMP yang ketika itu di bawah tampuk pemerintahan Sakinah Junid beliau telah membantu perjuangan PAS mencari pengaruh ramai dan menyampaikan mesej parti. Sehingga pada tahun 1976, DMP telah mempunyai keahlian seramai 18,000 daripada 116,000 keseluruhan ahli PAS (Virginia, 1987). Ini menunjukkan antara sumbangan oleh Sakinah Junid ketika menjadi pemimpin di DMP. Sepanjang hampir 20 tahun beliau memegang tampuk kepimpinan, Sakinah Junid berperanan utama dalam memantapkan DMP sebagai suara utama dalam memperjuangkan pendidikan, agama dan isu sosial khususnya dalam meningkatkan peranan wanita dalam masyarakat Islam ketika itu.

Disamping itu, menurut Ahmad Ansor (2008) Sakinah Junid telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam membela nasib kaum ibu, rakyat miskin dan luar bandar di Tanah Melayu. Melalui perannya sebagai seorang aktivis dan tokoh politik wanita, beliau sering berjuang untuk hak-hak wanita, memperjuangkan pendidikan dan penglibatan wanita dalam politik. Beliau juga berkomitmen untuk meningkatkan taraf hidup rakyat miskin dan masyarakat luar bandar dengan mengadakan program pembangunan ekonomi dan sosial yang inklusif. Melalui penulisan, pidato, dan berbagai kegiatan sosial, beliau terus mempromosikan kesedaran akan isu-isu sosial dan ekonomi yang relevan dengan kelompok-kelompok ini, dan telah menjadi inspirasi bagi banyak orang dalam memperjuangkan perubahan positif di Tanah Melayu ketika itu.

Setelah melalui pelbagai rintangan dan cabaran dalam berpolitik khususnya ketika memegang tampuk DMP yang hampir 20 tahun beliau mengambil keputusan untuk mengikut suaminya Tan Sri Dato' Asri meninggalkan PAS untuk berjuang di dalam parti yang baru ditubuhkan iaitu Hizbul Muslimin (HAMIM). Hal ini berlaku kerana terdapat beberapa isu yang timbul dalam PAS sehingga membuatkan Tan Sri Dato' Asri untuk meninggalkan PAS. Beliau menamatkan perjuangan politiknya secara rasmi selepas menyertai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada tahun 1993 sebagai ahli biasa kerana memberikan sokongan kesinambungan perjuangannya kepada Timbalan Presiden UMNO pada masa itu iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim.

## IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi kajian ini bertujuan bertujuan untuk menyumbang manfaat dan faedah kepada pihak-pihak tertentu, terutama di Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Implikasi kajian ini berkaitan dengan bidang sejarah ketokohan dan politik oleh Sakinah Junid di Tanah Melayu pada awal abad ke-20. Antara implikasi yang diperolehi ialah memudahkan pengkaji akan datang untuk mencari sumber kajian. Kajian ini memberi laluan serta memudahkan khususnya para pelajar Pusat Pengajian Arab dan Tamadun Islam untuk mencari bahan-bahan bacaan dan menambah rujukan mengenai latarbelakang Sakinah Junid dalam sumbangan beliau dalam bidang politik khususnya.

Kedua, kajian ini juga menambah info pengetahuan dan maklumat berkaitan kajian kaedah naratif sumber-sumber seperti buku, artikel jurnal, tesis, prosiding dan kertas kerja mengenai sejarah ketokohan Sakinah Junid sebagai tokoh politik wanita di Tanah Melayu. Seterusnya, kajian ini membolehkan para pengkaji mendalami bidang sejarah ketokohan Islam serta bidang penulisan biografi maklumat dan rujukan penting bagi para pengkajian dan pengajian bidang ketokohan dan juga sejarah politik di Tanah Melayu. Walaupun ianya masih ada di Malaysia, namun ianya dapat diperkembangkan dan menjadi fokus perbincangan dalam dunia akademik.

## KESIMPULAN

Sejarah politik wanita Melayu pada era pra merdeka dari tahun 1945 hingga 1957 menunjukkan perjuangan kemerdekaan tanah air. Penglibatan tokoh wanita seperti Sakinah Junid amat berperanan besar dalam membantu masyarakat wanita agar lebih berani serta maju dalam pelbagai aspek disamping melaksanakan tugas atau peranan yang penting dalam rumahtangga. Antara sumbangan beliau adalah memberi hak pendidikan kepada wanita, bersifat kepimpinan yang lantang bersuara dalam menuntut hak kesamaratan bagi wanita serta gigih dalam memperjuangkan kemerdekaan di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

Perjuangan tokoh politik wanita ini perlu dititikberatkan dalam pembelajaran pada masa kini agar tidak dilupakan oleh generasi kini. Kegigihan dan semangat juang yang tinggi dalam diri tokoh tersebut telah menimbulkan pelbagai kemajuan dalam pelbagai aspek khususnya bagi golongan wanita dan juga kaum ibu. Disamping itu, penekanan aspek pendidikan telah memberi peluang kepada semua masyarakat di Tanah Melayu ketika itu dalam mengetahui bahawa pendidikan dapat mengubah nasib dan juga masa depan anak-anak mereka. Hal ini, dapat dilihat bahawa Sakinah Junid mendapat pendidikan ilmu agama dan dunia daripada kecil lagi. Pendidikan yang diterima telah diterapkan dan diajar kepada generasi seterusnya agar dapat keluar daripada penjajahan Barat yang mengenenikan pendidikan masyarakat ketika itu.

Oleh itu, penglibatan beliau dalam politik haruslah diteliti serta dihargai sumbangannya sepanjang masa agar menjadi contoh dan ikutan oleh generasi pada masa akan datang. Wanita kini perlulah berfikir terbuka dalam mendepani arus kemodenan yang semakin banyak cabaran dan tentangan daripada luar atau dalam sesebuah masyarakat itu. Ini menunjukkan wanita pada masa dahulu lagi telah berani langkah ke hadapan dalam menuntut perjuangan termasuk menentang penjajah dengan segala kudrat dan usaha yang mereka ada. Justeru itu, diharapkan artikel ini dapat membantu dalam mengkaji sumbangan Sakinah Junid sebagai tokoh politik wanita pada awal abad ke-20 di Tanah Melayu.

## RUJUKAN

- Ab Rahim. (2012). *Shamsiah Fakeh (1924-2008): Kajian Terhadap Perjuangan Wanita Islam di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdullah Abdul Kadir. (1970). *The Hikayat Abdullah*. Terj. A.H. Hill. London: Oxford University Press.
- Abu Bakar Hamzah. (1981). *Al-Imam: Its Role in Malay Society 1906-1908*. Kuala Lumpur: Media Cendekiawan Sdn. Bhd.
- Aishah Ghani. (1992). *Aishah Ghani: Memoir Seorang Pejuang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andek Masnah Andek Kelawa. (1999). *Kepimpinan Wanita Dalam Islam: Kedudukannya Dalam Syariah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Baterah Alias & Che Zarrina Sa'ari. (2006). *Islam dan Emansipasi Wanita*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Che Zarrina binti Sa'ari & Joni Tamkin bin Borhan. (2006). Peranan Wanita Dalam Pengukuhan Akidah Umat Islam. *Jurnal Usuluddin*, 23(24), 35- 50.
- Dancz, V. H, (1987). *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*. Oxford: Oxford University Press.
- Erawadi. (2015). Jaringan Keilmuan antara Ulama Mandailing-Angkola dan Ulama Semenanjung Melayu. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) V: 73-78*. 9-10 Jun, Klana Resort, Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia.
- Hasnah binti Hussiin. (t.th.) Isu Pendidikan Wanita Melayu Dalam Akhbar Dan Majalah Melayu, 1920-an Hingga 1940-an. *Jurnal Sejarah*, 135- 152.
- Isjwara, S.H. (1974). *Pengantar Ilmu Politik*. Bandung: Penerbit Bina Cipta.
- John Funston. (1980). *Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO and PAS*. Singapore: Heineman Educational Books Ltd.
- Khoo Kay Kim. (1994). "Malaysian Women"s Participation in Politics: A Historical Perspective" dlm Robert Haas & Rahmah Hashim (eds.), *Malaysian Women Creating Their Political Awareness*. Kuala Lumpur: Asian Institute for Development Communication (AIDCOM).
- Maisarah Mohd Pauzi. (2018). *Ustazah Zaman Dulu-Dulu*. Bangi: Jejak Tarbiah.
- Milner, A. (2002). *The Inventions of Politics in Colonial Malaya*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Mohd Anuar Ramli & Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2010). *Kepimpinan Perempuan Menurut Perspektif Islam: Satu Sorotan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Mohd. Radzi Othman & O.K. Rahmat. (2008). *Gerakan Pembaharuan Islam: Satu Kajian di Negeri Perlis dan Hubung Kaitnya dengan Malaysia*. USM: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Rahimi Hassan & Bahiyah Abdul Hamid. (2017). Pembangunan Kepimpinan Wanita: Membina Ilmu Watan Bagi Kepimpinan Wanita Menerusi Kehidupan Tun Fatimah Hashim. *Kajian Malaysia*, 35(1), 91- 116.
- Munawwaroh, Junaidatul. (2002). Rahmah el-Yunusiyah: Pelopor Pendidikan Perempuan. Dlm. Burhanuddin, Jajat (pnyt.). *Tokoh Ulama Perempuan*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Ilmu.
- Nelmawarni, Martin Kustati & Warnis. (2017). Shamsiah Fakeh: Perempuan Minang Rantau Pejuang Tanah Melayu. *Kafaah Journal*, 7(2), 191- 208.
- Nik Safiah Karim. (1990). *Wanita Malaysia: Harapan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: 'K' Publishing & Distributors Sdn Bhd.
- Nor Aniza Mad Azeri & Nur Saadah Hamisan@ Khair. (2021). Panduan Bagi Emansipasi Wanita Di Tanah Melayu Berdasarkan Kitab Jawi Abad Ke-20. *Jurnal 'Ulwan*, 6(2), 273- 286.
- Nor Rafidah Saidon, Sity Daud & Mohd Samsudin. (2017). Penglibatan Politik: Pemerkaaan Kepimpinan Wanita Di Malaysia (1980-2013). *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(1), 137- 150.

- Nur Adila Mohamad & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad. (2020). Pengaruh Gerakan Islah Rahmah Al- Yunusiyah Di Tanah Melayu. *International Journal of West Asian Studies*, 12,15-35.
- Nur Adila Mohamad. (2022). *Kesan Gerakan Islah Rahmah Al- Yunusiyah Kepada Wanita Minangkabau dan Tanah Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Persatuan Kemajuan Wanita Kelantan di Kuala Lumpur dan Selangor. (2014). *Tokoh Wanita Kelantan*. Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan.
- Rashila Ramli. (1998). *Pembangunan politik dan gender: cabaran dan strategi bagi calon calon wanita*. Dlm. Gender, Budaya dan Masyarakat, disunting oleh Rokiah Talib & Shanthi Thambiah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ratna Inzah. (2021). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohani Nordin. (1998). *Penyertaan Politik Wanita: Kajian Mengenai Sumbangan Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Dalam Pembangunan*. Tesis. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ruzaini Abd Kudus. (2018). *Kajian Sejarah Perkembangan Sekolah Menengah Agama Ad- Diniyah Al- Islamiah Padang Rengas, Perak (SMADI)*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Shafie Abd. Rahman. (2013). *Shamsiah Fakeh: Srikandi Melayu yang Dilupakan*. Batu Caves: Yamani Angle Sdn Bhd.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2011). Khatijah Sidek: Suara Pejuang Terpinggir yang Dibisukan Dalam Sejarah Perkembangan Politik UMNO. *Akademika*, 81(3), 43-47.
- Wan Hashim Wan The. (2012). *Memoir Khatijah Sidek: Puteri Kesateria Bangsa*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaireeni Azmi. (2009). Penglibatan Wanita Melayu dalam Politik Kepartian: Satu Sorotan Awal. Skim–Xi: *Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia*, hlm, 2-14. 10-12 November, Bandung, Indonesia.
- Zaiton Ghani. (1984). *Wanita Melayu Dalam Politik 1946-1948* Dlm. Khoo Kay Kim ed., *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Zinat Kausar. (2006). *Women in Politics: The Case of Peninsular Malaysia*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.